

09/09/1997

Menganjak paradigma Melayu dan budaya maju

Mior Kamarul Shahid

KITA bebas membuat penilaian berhubung kejayaan atau kegagalan Perhimpunan Agung Umno yang berakhir kelmarin. Cara seseorang membuat penilaian juga adalah berbeza. Kita boleh mengukurnya dengan melihat keseluruhan perjalanan perhimpunan atau hanya memfokus kepada sesuatu isu. Nampaknya, sejak dulu kita sering kaitkan kejayaan perhimpunan agung dengan mutu ucapan. Memang susah sikit kita nak nilai dari segi mutu ucapan kerana wakil yang berucap pun ramai daripada muka yang sama. Kalau dulu dia buat kelakar, kali ini agak serius, kita tidak boleh kata ucapannya kurang menarik, melainkanlah memang tidak ada isi. Kalau dulu kelakarnya sikit, kali ini berlebih-lebih pula, kita mungkin ketawa tetapi ada juga yang beranggapan, tidak sesuai dalam suasana hari ini. Pengharapan yang begitu tinggi terhadap perhimpunan itu juga mungkin menyebabkan kita membuat persepsi berbeza. Bagaimanapun, kita terpaksa terima ini adalah budaya perhimpunan agung Umno. Walaupun menghadapi keadaan yang serius, mereka masih boleh bergembira dan bersenda gurau.

Namun, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan perbincangan terhadap ucapan dasarnya agak hambar. Ini kerana perwakilan kurang berminat berbincang mengenai isu nilai dan budaya yang cuba dijoloknya. Biasanya, topik begini lebih mudah dibincangkan. Nampaknya, kali ini perwakilan agak tersentap.

Mereka tidak bersedia memberi pendapat sama ada bersetuju atau menentang persoalan yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir. Memang, Dr Mahathir membangkitkan beberapa isu yang kontroversi. Pandangannya mempunyai unsur pertentangan pendapat umum dan ada pihak menyatakan ia membabitkan soal hukum apabila Dr Mahathir membabitkan soal agama.

Di Madinah atau Jeddah, perkataan hukum sering bermain di bibir peniaga. Jika meletakkan sesuatu harga dan tidak mahu ditawar, peniaga akan menyatakan bahawa ia adalah hukum. Hukum bermakna muktamad. Tetapi, bagi yang bijak menawar, mereka masih boleh mendapat harga yang lebih rendah daripada harga hukum.

Hukum hanyalah syarat mengikat tetapi tidak bermakna ia tidak boleh dirasionalisasikan. Dari segi konteks, isu yang dibangkitkan Dr Mahathir, mungkin berbeza. Namun, ini tidak bermakna ia tidak boleh diperbahaskan. Memang, di hati kecil Dr Mahathir beliau mengharapkan agar dapat mendengar pandangan yang bertentangan dengan pendapatnya, tetapi malangnya tidak ada perwakilan yang benar-benar bersedia.

Kita cuma nak sentuh mengenai budaya. Dr Mahathir kata budaya kita berbeza dengan budaya rakyat negara maju. Semua kita setuju apabila beliau bangkitkan mengenai tanggapan masyarakat berhubung soal kerajinan, kerja bersungguh-sungguh, kurang daya penyelidikan dan sebagainya. Semua ini berlaku kerana budaya orang Melayu dari dulu lagi, suka hidup bersenang-lenang.

Mereka bukan masyarakat pencipta tetapi mahu terus menjadi masyarakat yang menerima ciptaan orang lain. Budaya orang Melayu juga tidak mempunyai nilai komersil. Jika tidak ada kaum lain yang mencipta kerusi dan meja, orang Melayu hari ini akan terus makan di atas tikar.

Sekarang, budaya makan bersila di atas tikar sudah hampir pupus. Makan bersudu di meja makan, bukan budaya Melayu tetapi hari ini ia sudah diterima. Begitu juga, jika tidak ada kaum lain mencipta periuk elektrik, orang Melayu akan terus memasak menggunakan kayu api, jika tidak ada orang lain mencipta alat kisar, kita akan terus menumbuk segala macam rempah

ratus dan cili.

Orang lain cipta alat itu kerana tahu orang Melayu suka makan pedas dan berempah. Jika tidak ada orang lain mencipta sinki untuk membuang air kecil di tandas-tandas awam, orang Melayu akan terus bertinggung di celah pokok getah. Di rumah teres yang diduduki orang Melayu hari ini semua ada sinki. Ia diterima kerana ia lebih mudah dan selesa. Sebenarnya orang Melayu boleh menerima perubahan, tetapi kehadirannya ditentukan oleh proses sosialisasi. Perubahan yang datang ditolak dari luar bukan mereka yang menentukan perubahan.

Ini sering disebut oleh sarjana sains sosial sebagai kesan persekitaran. Orang Melayu tidak pernah menjadi peneraju dan penentu kepada proses sosialisasi. Tentulah ini berbeza dengan masyarakat Barat, begitu juga Jepun. Mereka meletakkan diri sebagai penentu kepada proses sosialisasi. Jika mereka mempunyai ego, kita tidak boleh menyalahkan mereka. Mereka adalah kaum yang sanggup memulakannya dulu kerana tahu ia mempunyai nilai komersil yang tinggi untuk generasi mereka.

Budaya dan cara hidup orang Melayu boleh diubah. Sekarang kita lihat ramai orang kita ada telefon bimbit. Ini juga budaya baru. Asalkan tahu menggunakannya untuk kebaikan, ia tidak menjejaskan darjat kaum itu. Apabila Dr Mahathir membangkitkan perkara ini kita teringat teori X dan Y yang dihasilkan McGreg.

Teori X adalah golongan yang diandaikan malas, perlu dikawal, didesak, tidak suka tanggungjawab dan mementingkan sekuriti. Golongan Y suka berkerja, tidak perlu dikawal atau didesak, beriltizam dan mampu menggunakan imiginasi. Jika kita mahu berubah, kita perlu mengubah sikap kita. Dr Mahathir cuba mengajak kita melihat kepada satu perubahan yang dinamik supaya kita membentuk satu budaya maju.

(END)